



**SIARAN MEDIA BERSAMA  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
& KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**MENGENAI KENAIKAN HARGA BEBERAPA JENIS KOMODITI MAKANAN  
BERIKUTAN PENINGKATAN PERMINTAAN DOMESTIK, DAN LAPORAN TULAR  
DI MEDIA SOCIAL DAN BERITA DI MEDIA MASSA MENGENAI KEKURANGAN  
BEKALAN AYAM PEDAGING TEMPATAN,  
DAN LANGKAH-LANGKAH PENINGKATAN KELUARAN AYAM TEMPATAN**

13hb. Jamadilawal, 1442 / 28hb. Disember, 2020 (Hari Isnin)

1. Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi dalam satu kenyataan bersama hari ini merujuk kepada penyebaran maklumat mengenai situasi kenaikan harga bagi beberapa jenis komoditi makanan yang tular di media sosial dan yang diberitakan di media massa khususnya berhubung dengan bekalan ayam pedaging yang dilaporkan tidak mencukupi di pasaran tempatan pada masa ini, yang mana perkara ini dipercayai telah menyumbang kepada peningkatan harga jualan komoditi berkenaan.
2. Kementerian Kewangan dan Ekonomi, melalui Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), telah pun menjalankan pemantauan harga ke atas enam (6) jenis komoditi makanan dalam tempoh empat (4) bulan kebelakangan berpandukan kepada data Indeks Harga Pengguna (IHP), iaitu mekanisma untuk mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa tertentu. Komoditi-komoditi makanan berkenaan ialah produk ayam pedaging (ayam bulat segar dan sayap) dan ayam penelur (telur ayam Gred B); daging lembu; daging kambing; dan beberapa produk pertanian.
3. Hasil tinjauan pihak JPES mendapati bahawa secara amnya terdapatnya kenaikan harga bagi komoditi makanan berkenaan antaranya disebabkan oleh kenaikan kos makanan ayam (*chicken feed*); ketiadaan bekalan alternatif komoditi import; faktor perubahan cuaca yang tidak menentu (*climate change*); peningkatan permintaan domestik berikutan sekatan perjalanan (*travel restriction*) keluar negara; dan kos logistik serta pengangkutan yang turut meningkat di peringkat serantau dan global.
4. Laporan pemantauan harga telah dilaksanakan berpandukan data Indeks Harga Pengguna (IHP) dari bulan Januari hingga Disember 2020 dan data-data yang diterima daripada pihak peruncit.

- 5 Laporan pemantauan harga mendapati kenaikan harga bagi ayam bulat segar, sayap ayam dan telur ayam (Gred B) dalam tempoh 4 (empat) bulan kebelakangan. Ayam bulat segar telah menunjukkan kenaikan harga purata sebanyak 6% iaitu dari \$4.28 sekilo pada September 2020 kepada \$4.52 sekilo pada Disember 2020. Manakala, harga sayap ayam mengalami kenaikan harga purata sebanyak 3% iaitu dari \$7.78 sekilo kepada \$8.03 sekilo, dan telur ayam mencatatkan kenaikan sebanyak 6% dari \$4.58 setray kepada \$4.87 setray.
- 6 Dalam pada masa yang sama, harga daging kerbau, lembu dan kambing segar juga mengalami peningkatan berikutan ketiadaan bekalan daging kerbau beku dari India (yang lazimnya dijual dengan harga yang lebih murah) dan daging lembu dan kambing beku dari Australia, disebabkan sekatan perjalanan akibat wabak COVID-19. Harga purata daging lembu segar bagi bulan Disember 2020 adalah sekitar \$16.14 sekilo berbanding \$15.20 sekilo pada bulan September 2020 yang lalu. Manakala, harga purata daging lembu beku meningkat kepada \$13.50 sekilo pada Disember 2020 berbanding \$12.40 sekilo pada awal tahun ini.
- 7 Beberapa produk-produk pertanian turut mengalami kenaikan harga dalam tempoh 4 (empat) bulan kebelakangan iaitu bawang merah dari \$2.34 sekilo kepada \$6.24 sekilo; halia dari \$3.88 sekilo kepada \$4.24 sekilo; dan cili dari \$9.15 sekilo kepada \$10.00 sekilo, didorong oleh isu penuaian di negara pengeksport seperti keadaan cuaca yang tidak menentu. Kos logistik pengangkutan yang turut meningkat di peringkat serantau dan global akibat sekatan perjalanan juga merupakan di antara faktor yang menyumbang kepada kenaikan harga produk-produk berkenaan.
- 8 Pihak JPES sedang dan akan terus memantau harga barangan makanan tertentu bagi memastikan peniaga melaksanakan amalan perniagaan yang beretika. Kerjasama dan sokongan pihak peniaga dalam memberikan maklumat mengenai harga dan kos barangan makanan tertentu adalah diharapkan semasa pemeriksaan dilaksanakan.
- 9 Sementara itu, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan turut mengongsikan bahawa pengeluaran ayam pedaging dalam negara pada tahun 2020 ini telah mencatatkan peningkatan tertinggi pernah dicapai oleh penternak tempatan, iaitu pengeluaran sekitar 26,000 tan metrik, sebagaimana kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian berkenaan pada 28hb. November, 2020 yang lalu.
- 10 Pada masa yang sama, Kementerian berkenaan juga menjangkakan bahawa permintaan komoditi makanan pada bulan Disember 2020 ini adalah meningkat lebih dari bulan Disember di tahun-tahun sebelumnya, yang mana antaranya disebabkan oleh sekatan perjalanan ke luar negara bagi mengelakkan risiko penularan jangkitan wabak COVID-19.
- 11 Pada masa ini, industri perhotelan dan penginapan, restoran dan penyediaan catering juga mengalami permintaan tinggi kerana penduduk negara ini bercuti dalam negara semasa musim cuti persekolahan hujung tahun. Hasil daripada tinjauan pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan mendapati bahawa hotel-hotel di negara ini, khususnya hotel-hotel yang menyediakan pakej yang menarik dan mempunyai kemudahan asas bagi tumpuan keluarga seperti kolam renang, restoran, panggung wayang, berhampiran pusat membeli belah dan di lokasi yang strategik telah mencapai kadar penghunian (*occupancy rate*) yang tinggi sehingga melebihi 90.0 peratus hampir disepanjang bulan Disember 2020 ini.

- 12 Alhamdulillah, berikutan dengan kenaikan had perkumpulan orang ramai kepada tidak melebihi 350 orang, aktiviti perniagaan dan restoran telah mula beroperasi seperti biasa sejak bulan September lalu. Oleh yang demikian, pada bulan Disember ini banyak acara-acara keramaian dan keraian keluarga mula diadakan seperti Majlis Perkahwinan, Doa Selamat dan seumpamanya. Semua ini telah menyumbang kepada peningkatan permintaan bahan makanan dalam negara, termasuk permintaan terhadap bekalan ayam pedaging.
- 13 Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan kerjasama penternak-penternak ayam tempatan akan terus mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan bekalan ayam pedaging bagi menampung permintaan dalam negara dengan inisiatif penambahan reban ayam oleh para pengusaha tempatan, yang mana 3 (tiga) buah syarikat utama tempatan dijangka akan memulakan operasi pengeluaran tambahan seawal tahun 2021.
- 14 Di samping itu, dalam usaha bagi memenuhi permintaan bekalan daging di pasaran tempatan, Kementerian berkenaan terus memudahcara peningkatan kemasukan lembu dan kambing dari luar negara untuk memberikan alternatif kepada permintaan ayam pedaging. Baru-baru ini, salah sebuah syarikat pembekal daging tempatan telah berhasil mendatangkan sekitar 1,250 ekor kambing yang diimport dari Republik Indonesia. Kemasukan bekalan kambing sekitar 1,200 juga dijangka tiba dalam bulan Januari 2021. Manakala bagi bekalan daging lembu, sehingga bulan November 2020 sebanyak 6,743 ekor lembu telah pun didatangkan dari negara Australia dengan sekitar 1,329 ekor lembu lagi dijangka tiba pada penghujung bulan Disember ini. Bagi turut menampung keperluan semasa, melalui syarikat-syarikat tempatan yang membekal daging lembu, kekerapan pengimportan lembu hidup menggunakan kenderaan komersial luar negara melalui pos-pos kawalan darat juga telah ditingkatkan dari 3 (tiga) hari seminggu kepada 5 (lima) hari seminggu.
- 15 Menyentuh mengenai import bekalan komoditi daging-daging beku (*frozen*) seperti ayam pedaging, lembu dan kambing ke negara ini yang mana kemasukannya tersekat sejak bulan April 2020, dan seperti yang dimaklumi berikutan melonjaknya kes wabak COVID-19 di rantau ini maka authoriti kesihatan dalam negara dan luar negara telah membuat beberapa kawalan terhadap perjalanan orang ramai menurut protokol kesihatan masing-masing. Contohnya Negara Brunei Darussalam tidak membenarkan penduduknya keluar negara kecuali bagi tujuan penting sahaja. Manakala negara-negara jiran pula membuat kawalan perjalanan dan tidak membenarkan kemasukan penduduk asing kecuali atas urusan penting dan dikehendaki menjalani ujian COVID-19 serta menjalani kurantin selama 14 hari. Ini menyebabkan kesukaran kepada syarikat pengimport dalam negara kerana tidak dapat membawa pegawai tertentu untuk membuat pemeriksaan ke negara berkenaan untuk membuat pengesahan daging-daging yang hendak diimport tidak diragui kehalalannya. Walaubagaimanapun, sekatan-sekatan ini tidak menjejaskan pengimportan binatang-binatang seperti anak ayam, lembu dan kambing hidup.

- 16 Dalam pada itu, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi menyeru kepada orang ramai supaya tidak menyebarkan berita-berita serta video tular yang boleh menyebabkan orang ramai membeli secara berlebihan (*panic buying*) dan membeli lebih daripada yang diperlukan. Orang ramai pula diharap akan dapat mengamalkan sikap bertimbang rasa sesama pengguna lain dalam sebarang pembelian yang dilaksanakan serta mematuhi arahan-arahan yang telah dikeluarkan seperti melakukan penjarakan sosial semasa pembelian. Para peniaga restoran, penyedia perkhidmatan catering, hotel dan syarikat pemprosesan makanan di negara ini juga dinasihatkan untuk mendapatkan bekalan terus daripada pengeluar ayam pedaging tempatan secara berkontrak jangka panjang ataupun membuat tempahan lebih awal bagi memastikan bekalan adalah terjamin. Para peniaga pasaraya juga diseru untuk tidak melakukan sebarang kegiatan yang tidak beretika seperti mengambil kesempatan menaikkan harga jualan komoditi berkenaan.
- 17 Insha Allah, kedua-dua Kementerian berkenaan bersama-sama dengan agensi-agensi yang berkepentingan akan terus memantau perkembangan situasi bekalan komoditi makanan di negara ini dari masa ke semasa dan menangani secara bersama melalui '*Whole of Nation Approach*' untuk memastikan bekalan makanan, khususnya pengeluaran daripada industri ternakan di negara ini, adalah mencukupi bagi keperluan dalam negara.

Disediakan oleh:

**Jabatan Pertanian dan Agrimakanan**  
Kementerian Sumber-Sumber Utama  
dan Pelancongan  
Negara Brunei Darussalam.

**Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik**  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam.

26hb. Disember, 2020.